

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG]

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 [ISNIN]

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI ALAM
SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-

(a) perincian 13 projek sambungan dan dua projek baharu di bawah peruntukan RM1.3 bilion bagi usaha projek tebatan banjir, pemuliharaan sungai serta hakisan pantai di negeri Johor; dan

(b) tindakan penyelenggaraan secara cekap dan berkesan dalam menangani isu banjir kilat di negeri Johor.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status terkini 13 projek sambungan bagi tebatan banjir dan pemuliharaan sungai serta hakisan pantai di Negeri Johor adalah seperti berikut;

- i. 3 projek telah siap;
- ii. 5 projek dalam peringkat pelaksanaan;
- iii. 4 projek dalam pra-pelaksanaan iaitu rekabentuk terperinci atau kerja ukur; dan
- iv. 1 projek kajian dalam peringkat pra-pelaksanaan iaitu perolehan data ukur.

2. Manakala, kedua-dua projek baharu pula dalam peringkat pra-pelaksanaan iaitu perolehan data ukur dan rekabentuk terperinci.

3. Berdasarkan Jadual Kesembilan, Senarai II - Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan menetapkan sungai adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Manakala berdasarkan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), tanggungjawab untuk membina dan menyenggara parit adalah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain itu, keputusan Jemaah Menteri tahun 1996 telah menggariskan pembahagian tanggungjawab di antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga JPS iaitu semua sistem saliran dalaman iaitu sistem saliran buatan adalah di bawah tanggungjawab PBT manakala sistem saliran asalnya semulajadi iaitu sungai dan anak sungai adalah di bawah JPS.

4. Walau bagaimanapun, KASA telah mengambil inisiatif untuk membantu Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan menyalurkan peruntukan sebanyak RM550 ribu di bawah Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri pada tahun 2021 manakala di bawah Inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) bagi skop projek yang sama, sebanyak RM8.3 juta telah diperuntukkan bagi Negeri Johor.

5. Bagi menangani isu banjir kilat di Negeri Johor, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM3.76 juta pada tahun 2021 bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kolam-Kolam Takungan Banjir di Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.